

NO. SOALAN: 19

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. DATO' IR. HAJI NAWAWI BIN AHMAD [ LANGKAWI ]**

**TARIKH : 12 MAC 2015**

**SOALAN :**

**YB. Dato' Ir. Haji Nawawi Bin Ahmad [ Langkawi ]** minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan berikut tulisan jawi adalah merupakan khazanah bangsa Melayu yang tidak ternilai, tapi sayangnya ia terhapus dengan sistem pendidikan yang sedia ada. Kalau komuniti lain seperti komuniti India, Thailand, Jepun, Cina, Korea, Burma ada tulisan mereka sendiri, apakah pihak Kerajaan tidak ada perancangan untuk mengembalikan khazanah bangsa ini di peringkat sekolah rendah, menengah dan akhbar Kerajaan.

**JAWAPAN : YB. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**  
**MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian ini menerusi Perpustakaan Negara Malaysia dengan kerjasama agensi Kerajaan/swasta/pertubuhan bukan Kerajaan dan individu telah melaksanakan pelbagai usaha untuk mengembalikan kegembilangan tulisan jawi di peringkat serantau dan global menerusi strategi dan pendekatan secara berterusan seperti berikut:

- (i) Menubuhkan Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu pada tahun 1985 di Perpustakaan Negara Malaysia yang berperanan untuk memartabatkan tulisan jawi menerusi usaha-usaha perolehan, pendokumentasian dan penggunaan manuskrip Melayu dari seluruh dunia sebagai bahantara (medium);
- (ii) Menganjurkan bengkel tulisan jawi dengan kerjasama Kementerian Pendidikan bagi melatih guru-guru memantapkan kemahiran mereka dalam pengajaran jawi di sekolah. Bengkel tulisan jawi ini telah mula dilaksanakan pada tahun 2006 hingga sekarang bertujuan untuk memberi pendedahan berkaitan pengkaedahan tulisan jawi baru kepada guru-guru;
- (iii) Menerbitkan bahan bacaan untuk tujuan pembelajaran tulisan jawi dalam bentuk buku dan digital antaranya Transliterasi Jawi, Kaedah Pembelajaran Jawi Peringkat Asas, Semarak Jawi, K-Jawi dan Kit Tatih Jawi yang diedarkan ke institusi pendidikan seluruh negara;

- (iv) Menerbitkan Rancangan Klinik Jawi yang disiarkan menerusi saluran radio IKIMfm mulai tahun 2012 hingga kini untuk meningkatkan ilmu pengetahuan masyarakat mengenai tulisan Jawi;
- (v) Menaja akhbar Sisipan Jawi terbitan Utusan Melayu Mingguan yang diterbitkan setiap hari Isnin selama 6 tahun (Mei 2006 hingga April 2012) dengan jumlah cetakan sebanyak 78 juta naskhah (13 juta naskhah setahun); — Mengapa belantik?
- (vi) Menganjurkan persidangan dan pameran antarabangsa iaitu Persidangan dan Pameran Antarabangsa Manuskrip Melayu yang melibatkan pakar/penggiat bidang tulisan jawi dari seluruh dunia. Sehingga kini, persidangan antarabangsa ini telah diadakan sebanyak 3 kali iaitu pada tahun 1995, 2006 dan 2014; dan
- (vii) Melaksanakan Karnival Semarak Jawi secara bersepadu sebagai kempen pembudayaan tulisan jawi di peringkat kebangsaan dengan melibatkan pelbagai agensi seperti sekolah dan IPTA. Karnival ini telah dimula dilaksanakan pada 2007 hingga sekarang yang melibatkan seramai 10,000 orang pengunjung setiap kali penganjuran dijalankan yang melibatkan kebanyakannya adalah pelajar sekolah dan guru melalui pelbagai aktiviti yang dijalankan seperti klinik jawi, pantas jawi dan sebagainya.

Sekian, terima kasih.